Keratan Akhbar bertarikh 17 Mei 2016

Sinar Harian, Malaysia

# Kempen tingkat imej, disiplin peniaga

**SEPANG** - Kempen 'self-regulatory' tapak pasar malam sifar sampah mula dilaksanakan di Taman Seroja, 28 April lalu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran (MPSepang), Datuk Puasa Md Taib berkata, kempen bertujuan memastikan tapak diselenggara secara baik dan teratur oleh peniaga selepas tamat operasi perniagaan.

"Kempen ini juga bertujuan meningkatkan imej dan disiplin peniaga bertepatan dengan moto MPSepang Bersih, Hijau dan Sejahtera," katanya.